



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM

DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

Public Service Department, Malaysia

Aras 13, Blok C1, Kompleks C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62510 W.P. PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel: 603-80008000

Faks (Fax): 603-88892187

Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

JPA.100-1/4/2 (16)

24 Mei 2021

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

GARIS PANDUAN PENGOPERASIAN PEJABAT KERAJAAN DI BAWAH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 3.0

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Menteri Kanan Keselamatan dalam sidang media bersama Ketua Pengarah Kesihatan pada 22 Mei 2021 telah memaklumkan sekatan tambahan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 susulan peningkatan kes secara mendadak dan sebagai usaha mengekang dan memutuskan rantaian penularan jangkitan COVID-19. Sekatan tambahan PKP ini akan mula berkuat kuasa mulai 25 Mei 2021 hingga 7 Jun 2021.

3. Susulan daripada itu, Ketua Setiausaha Negara melalui kenyataan medianya pada 22 Mei 2021 memaklumkan mengenai pendekatan pengoperasian pejabat Kerajaan dan Jabatan Perkhidmatan Awam mengeluarkan garis panduan bagi perincian pelaksanaan pengoperasian pejabat Kerajaan secara hibrid melalui keberadaaan di pejabat dan Bekerja Dari Rumah (BDR).

4. Sehubungan itu, bersama-sama ini dilampirkan Garis Panduan Pengoperasian Pejabat Kerajaan Di Bawah Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 sebagai panduan dan rujukan. Garis panduan ini terpakai dalam tempoh PKP 3.0 tertakluk kepada arahan Kerajaan dari semasa ke semasa.


5. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, arahan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(TAN SRI MOHD KHAIRUL ADIB BIN ABD RAHMAN)